

**PENGARUH FAKTOR PERAMAL TERHADAP
KESEDIAAN PENERAPAN ELEMEN
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN
GURU PELATIH: KURSUS KEUSAHAWANAN
RBT SEBAGAI MODERATOR**

ZABIDI BIN ABDUL WAHAB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**PENGARUH FAKTOR PERAMAL TERHADAP
KESEDIAAN PENERAPAN ELEMEN
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN
GURU PELATIH: KURSUS KEUSAHAWANAN
RBT SEBAGAI MODERATOR**

oleh

ZABIDI BIN ABDUL WAHAB

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2025

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi puji dan puja kehadiran Allah S.W.T atas anugerah dan keizinanNya. Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Siti Zuraidah Md Osman selaku Penyelia Utama dan Prof. Dr. Noor Hazlina Ahmad selaku Penyelia Bersama untuk bimbingan berterusan sepanjang pengajian. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Tajaan dan Institut Pendidikan Guru Malaysia atas peluang, kepercayaan dan sokongan yang diberikan melalui penajaan biasiswa dan cuti belajar. Saya berhutang budi kepada seluruh warga Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) Universiti Sains Malaysia yang diterajui oleh Dekan Prof. Madya Dr. Rahimi Che Aman, panel pembaca pemeriksa penilai tesis, para pensyarah dan staf pengurusan yang banyak membantu mempermudah urusan pengajian saya. Pelbagai pihak yang saya tidak mampu namakan kesemuanya turut membantu dalam urusan penulisan dan penyiapan tesis selaku pakar rujukan, panel pelbagai kepakaran, perkongsian yang bermanfaat dalam urusan pembelajaran dan pelaksanaan kajian, serta insan-insan mulia yang membantu sepanjang proses kutipan data. Tesis ini didedikasikan kepada semua pihak yang terlibat, teristimewa buat keluarga, ayahanda Hj. Abdul Wahab, bonda Hj. Zainab, isteri Hj. Siti Umie, almarhumah isteri Suzura, anak-anak semoga PhD menjadi penanda aras bagi pendidikan kalian, kedua-dua ayahanda dan bonda mertua beserta keluarga, dan adik beradik kesemua keluarga kerana sumbangan emosi dan kasih sayang, doa mustajab serta sokongan yang tidak berbelah bahagi. Semoga tesis ini dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu secara berterusan dan memanfaatkan semua pihak yang membuat rujukan berkaitan kajian ini dan akhirnya kembali sebagai amalan jariah kita atas sumbangan ikhlas yang diberikan tanpa mengharapkan balasan material.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN.....	xvi
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT.....	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian.....	12
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian.....	16
1.8 Batasan Kajian	19
1.8.1 Sampel Kajian	19
1.8.2 Fokus Variabel Kajian.....	19
1.8.3 Instrumen Kajian.....	20
1.9 Definisi Operasional dan Definisi Konseptual.....	20
1.9.1 Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	21
1.9.2 Sikap Keusahawanan Dalam.....	22
1.9.3 Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan	23
1.9.4 Efikasi Kendiri Keusahawanan	24

1.9.5	Akhlak Keusahawanan.....	25
1.9.6	Kursus Keusahawanan RBT	26
1.9.7	Guru Pelatih IPG	26
1.10	Rumusan.....	27
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR.....		28
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Konsep Kesediaan.....	28
2.3	Teori Tingkahlaku Terancang Ajzen (1991) Sebagai Teori Tunjang	31
2.4	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional di IPG	36
2.5	Konsep Keusahawanan	39
2.6	Penerapan Elemen Keusahawanan di Institut Pendidikan Guru	41
2.7	Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	52
2.7.1	Konsep Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	52
2.7.2	Kepentingan Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	56
2.8	Sikap Keusahawanan Dalam.....	59
2.8.1	Konsep Sikap Keusahawanan Dalam.....	59
2.8.2	Pengaruh Sikap Keusahawanan Dalam Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	61
2.9	Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan	65
2.9.1	Konsep Persekitaran Sosial Keusahawanan	65
2.9.2	Pengaruh Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	67
2.10	Efikasi Kendiri Keusahawanan	71
2.10.1	Konsep Efikasi Kendiri Keusahawanan.....	71
2.10.2	Pengaruh Efikasi Kendiri Keusahawanan Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	73
2.11	Akhlak Keusahawanan.....	75
2.11.1	Konsep Akhlak Keusahawanan.....	75
2.11.2	Rasional Pemilihan Variabel Akhlak Keusahawanan.....	77

2.11.3	Pengaruh Akhlak Keusahawanan Terhadap Kesiediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	81
2.12	Peranan Moderator Kursus Keusahawanan Terhadap Kesiediaan Guru Pelatih IPG Menerapkan Elemen Keusahawanan.	84
2.13	Teori dan Model-model yang Berkaitan	90
2.13.1	Model Konsep Keusahawanan Dalam -Antoncic dan Hisrich (2003)	90
2.13.2	Model Niat Keusahawanan -Linan (2004).....	92
2.13.3	Teori Kognitif Sosial Bandura (1986).....	94
2.13.4	Akhlak Keusahawanan berdasarkan Konsep Keusahawanan <i>al-Falah</i>	98
2.13.5	Model Kesiediaan Guru	101
2.14	Kerangka Teori Kajian	104
2.15	Kerangka Konseptual Kajian	110
2.16	Rumusan.....	113
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		114
3.1	Pendahuluan	114
3.2	Reka Bentuk Kajian	114
3.3	Populasi dan Sampel Kajian.....	115
3.4	Kaedah Persampelan Kajian	117
3.5	Instrumen Kajian	121
3.5.1	Kesahan Instrumen Kajian	123
3.5.2	Soal Selidik Sikap Keusahawanan Dalam.....	127
3.5.2(a)	Item Soal Selidik Sikap Keusahawanan dalam.....	128
3.5.3	Soal Selidik Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan.....	130
3.5.3(a)	Item Soal Selidik Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan	131
3.5.4	Soal Selidik Efikasi Kendiri Keusahawanan.....	133
3.5.4(a)	Item Soal Selidik Efikasi Kendiri Keusahawanan.....	136

3.5.5	Soal Selidik Akhlak Keusahawanan	138
3.5.5(a)	Item Soal Selidik Akhlak Keusahawanan	140
3.5.6	Soal Selidik Kesianaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	142
3.5.6(a)	Item Soal Selidik Kesianaan Penerapan Elemen Keusahawanan	143
3.5.7	Maklumat Demografi Responden	145
3.5.8	Variabel Penanda (<i>Marker Variable</i>).....	146
3.5.9	Terjemahan Instrumen Soal Selidik Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan, Efikasi Kendiri Keusahawanan dan Akhlak Keusahawanan.....	147
3.6	Ujian Pra dan Kajian Rintis.....	148
3.6.1	Ketekalan Dalam (Internal Consistency), Kebolehppercayaan Indikator (<i>Indicator Reliability</i>), Kesahan Menumpu (<i>Convergent Validity</i>) dan Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	151
3.7	Kaedah Pengutipan Data Kajian	157
3.8	Prosedur Analisis Data Kajian	159
3.8.1	Penerokaan Data Awal.....	161
3.8.1(a)	Keciciran Data	161
3.8.1(b)	Kenormalan Data.....	161
3.8.1(c)	<i>Common Method Bias</i> (CMB).....	162
3.8.2	Analisis Deskriptif	163
3.8.3	Analisis Inferensi: Struktural Equation Modeling (SEM)	163
3.8.4	Analisis Matrik Kepentingan-Prestasi (Importance-Performance Matrix Analysis-IPMA).....	167
3.8.5	Analisis Multi-Kumpulan	168
3.9	Rumusan.....	173
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		174
4.1	Pendahuluan	174
4.2	Penyediaan Data Awal	175

4.3	Saringan Data (<i>Data Screening</i>)	176
4.3.1	Data Sebaris (<i>Straigh Lining Data</i>)	176
4.3.2	Kesilapan Memasukkan Data (Ralat) (<i>Data Entry Errors</i>).....	177
4.3.3	Keciciran Data (<i>Missing Value</i>)	178
4.4	Penilaian Data Bias	179
4.4.1	Bias Kaedah Umum (<i>Common Method Bias-CMB</i>)	179
4.5	Analisis Ujian Multivariat.....	181
4.5.1	Data Terpencil Multivariat (<i>Multivariate Outliers</i>)	181
4.5.2	Kenormalan Data (<i>Data Normality</i>).....	183
4.5.3	Ujian Kenormalan Terma Ralat	185
4.5.4	Ujian Kelinearan.....	187
4.5.5	Ujian Varian Konstant (<i>Homoscedasticity</i>).....	187
4.5.6	Ujian <i>Multi-Collinearity</i>	188
4.5.7	Ujian <i>Auto-Correlation</i>	189
4.6	Analisis Deskriptif	190
4.6.1	Demografi Responden.....	191
4.7	Dapatan Analisis Tahap Faktor Peramal dan Tahap Kesiediaan Penerapan Menjawab Soalan Kajian Pertama	192
4.8	Analisis Inferensi	196
4.8.1	Penilaian Model Pengukuran.....	197
4.8.1(a)	Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman (<i>Internal Consistency</i>)	199
4.8.1(b)	Kebolehpercayaan Indikator (<i>Indicator Reliability</i>).....	203
4.8.1(c)	Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>)	203
4.8.1(d)	Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	204
4.8.2	Penilaian Model Struktur Menjawab Soalan Kajian Kedua.....	205
4.8.2(a)	Pekali Laluan (<i>Path Coefficient</i>) dan Pengujian Hipotesis.	210
4.8.2(b)	Ukuran Kesan (<i>Effect Size-f^2</i>)	211

4.8.2(c)	Ketepatan Peramalan (<i>Predictive Accuracy-R²</i>)	212
4.8.2(d)	Peramalan PLS (<i>PLS Predict</i>)	213
4.9	Dapatan Analisis Matrik Kepentingan-Prestasi (<i>Important-Performance Matrix Analysis</i>) Menjawab Soalan Kajian Ketiga.....	215
4.10	Dapatan Analisis Multi Kumpulan bagi Moderator Kursus Keusahawanan RBT Menjawab Soalan Kajian Keempat	229
4.10.1	Penilaian Model Pengukuran berdasarkan Kumpulan Kursus Keusahawanan RBT (Bidang RBT dan Bidang Bukan RBT)	230
4.10.2	Analisis Multi Kumpulan (MGA) bagi Kesaksamaan Pengukuran .	233
4.10.3	Penilaian Model Struktur bagi Analisis Multi Kumpulan (MGA)...	236
4.11	Model Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	240
4.12	Rumusan.....	242
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		244
5.1	Pendahuluan	244
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	244
5.2.1	Objektif Kajian 1: Perbincangan Tahap Faktor Peramal dan Tahap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	246
5.2.1(a)	Tahap Sikap Keusahawanan Dalam.....	247
5.2.1(b)	Tahap Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan.....	248
5.2.1(c)	Tahap Efikasi Kendiri Keusahawanan.....	250
5.2.1(d)	Tahap Akhlak Keusahawanan.....	251
5.2.1(e)	Tahap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	252
5.2.2	Objektif Kajian 2: Perbincangan Pengaruh Faktor Peramal terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	254
5.2.2(a)	Pengaruh Sikap Keusahawanan Dalam Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	255
5.2.2(b)	Pengaruh Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan..	258
5.2.2(c)	Pengaruh Efikasi Kendiri Keusahawanan Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	261

5.2.2(d)	Pengaruh Akhlak Keusahawanan Terhadap Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan.....	263
5.2.3	Objektif Kajian 3: Perbincangan Faktor Peramal Terpenting dan Tahap Prestasi Peramal	267
5.2.4	Objektif Kajian 4: Perbincangan Pengaruh Moderator Kursus Keusahawanan RBT terhadap Hubungan Faktor Peramal dengan Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	271
5.3	Limitasi Kajian.....	275
5.4	Implikasi Kajian	277
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori	277
5.4.2	Implikasi Terhadap Metodologi	279
5.4.3	Implikasi Terhadap Amalan Pendidikan Guru	281
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	287
5.6	Kesimpulan	290
	RUJUKAN	293
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Pemetaan penerapan elemen keusahawanan dalam kursus wajib bagi program PISMP	48
Jadual 2.2 Konsep Keusahawanan Dalam	91
Jadual 3.1 Jumlah Populasi Guru Pelatih PISMP IPG Ambilan Jun 2020	116
Jadual 3.2 Jumlah Sampel berdasarkan Bidang Pengajian Guru Pelatih PISMP IPG Ambilan Jun 2020	120
Jadual 3.3 Maklumat Pakar Penilai Kesahan Kandungan	124
Jadual 3.4 Soal Selidik: Dimensi Sikap Keusahawanan Dalam	128
Jadual 3.5 Analisis I-CVI dan S-CVI bagi instrumen untuk mengukur konstruk Sikap Keusahawanan Dalam	129
Jadual 3.6 Soal Selidik: Dimensi Sokongan Persekitaran Keusahawanan	131
Jadual 3.7 Analisis I-CVI dan S-CVI bagi instrumen untuk mengukur konstruk Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan.	132
Jadual 3.8 Soal Selidik: Dimensi Efikasi Kendiri Keusahawanan	135
Jadual 3.9 Analisis I-CVI dan S-CVI bagi instrumen untuk mengukur konstruk Efikasi Kendiri Keusahawanan	136
Jadual 3.10 Soal Selidik: Dimensi Akhlak Keusahawanan	139
Jadual 3.11 Analisis I-CVI dan S-CVI bagi instrumen untuk mengukur konstruk Akhlak Keusahawanan	140
Jadual 3.12 Soal Selidik: Dimensi Kesianan Penerapan Elemen Keusahawanan	142
Jadual 3.13 Analisis I-CVI dan S-CVI bagi instrumen untuk mengukur konstruk Kesianan Penerapan Elemen Keusahawanan	143
Jadual 3.14 Model Pengukuran bagi First Order dan Second Order Konstruk ..	152

Jadual 3.15	Analisis Kesahan diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>) dengan kriteria <i>Fornell-Larcker</i>	156
Jadual 3.16	Ringkasan Penganalisan Data berdasarkan Soalan Kajian (SK) dan Hipotesis Kajian	171
Jadual 4.1	Analisis Deskriptif Nilai Minimum Maksimum	177
Jadual 4.2	Perbandingan pekali laluan (<i>Path coefficient</i>) β dan nilai R ² antara model asal dan model dengan variabel penanda (<i>marker variabel</i>)	180
Jadual 4.3	Pengesanan Data Terpencil (<i>Outliers</i>) melalui Diagnostik <i>Casewise</i>	182
Jadual 4.4	Pengesanan Data Terpencil (<i>Outliers</i>) melalui Diagnostik <i>Casewise</i> Kali Kedua	183
Jadual 4.5	Kepencongan dan Kecerunan Multivariat Mardia	184
Jadual 4.6	Keputusan Ujian Pengesanan <i>Multi-Collinearity</i>	189
Jadual 4.7	Maklumat Demografi Responden	191
Jadual 4.8	Interpretasi Skor Min	193
Jadual 4.9	Dapatan Analisis Deskriptif bagi Variabel Kajian	194
Jadual 4.10	Model Pengukuran bagi <i>First Order</i> dan <i>Second Order Konstruk</i>	200
Jadual 4.11	Analisis Kesahan diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>) dengan kriteria <i>Fornell-Larcker</i>	205
Jadual 4.12	Pengujian Hipotesis Pengaruh Langsung antara Variabel Bebas dengan Variabel Bersandar	210
Jadual 4.13	Penilaian Peramalan PLS (<i>PLS Predict</i>)	214
Jadual 4.14	Keputusan Analisis Matriks Kepentingan Prestasi (IPMA)	219
Jadual 4.15	Keputusan Analisis Matriks Kepentingan Prestasi (IPMA) (Variabel Pendam-Domain)	226
Jadual 4.16	Keputusan Penilaian Model Pengukuran Setiap Kumpulan	231

Jadual 4.17	Analisis Kesahan diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>) dengan kriteria <i>Fornell-Larcker</i>	232
Jadual 4.18	Keputusan Ujian Kesaksamaan Pengukuran Menggunakan Langkah <i>Permutation</i>	235
Jadual 4.19	Keputusan Ujian Hipotesis Prosedur <i>Bootstrap</i> MGA	239

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Teori Tingkahlaku Terancang (<i>Theory of Planned Behavior -TPB</i>) Ajzen (1991)32
Rajah 2.2	Hasil Pembelajaran Kursus Asas Perniagaan dan Keusahawanan37
Rajah 2.3	Hasil Pembelajaran Kursus Asas Perakaunan Perniagaan38
Rajah 2.4	Kemahiran Keusahawanan (KMU) IPG42
Rajah 2.5	Model Penerapan Elemen Keusahawanan IPG 201947
Rajah 2.6	Model Niat Keusahawanan (Linan, 2004)93
Rajah 2.7	Model Segitiga Kesan Timbal Balik (Bandura, 1986)97
Rajah 2.8	Kerangka Teoritikai Kajian 109
Rajah 2.9	Kerangka Konseptual Kajian 112
Rajah 3.1	Pengiraan bilangan sampel dengan aplikasi G*Power 3.1 119
Rajah 3.2	Kerangka Pelaksanaan Kajian 166
Rajah 4.1	Analisis Keciciran Data 178
Rajah 4.2	Output Pengiraan Kepencongan Dan Kecerunan Data 184
Rajah 4.3	Histogram Sebaran Siasa Piawai (<i>Standardized Residual</i>) 186
Rajah 4.4	Plot Sebaran Skor yang diramalkan dengan Sisa Piawai (<i>Standardized Residual</i>) 186
Rajah 4.5	Plot Sebaran Skor Pengaruh yang Diramalkan bagi Setiap Variabel Bebas 187
Rajah 4.6	Plot Sebaran Skor Pengaruh yang Diramalkan terhadap Variabel Bersandar 188
Rajah 4.7	Ringkasan Model dengan diagnostik <i>Durbin-Watson</i> 190
Rajah 4.8	Model Pengukuran dengan nilai Pemuatan, CR dan Pekali Laluan 198

Rajah 4.9	Model Struktur hirarki pertama dengan nilai pemuatan, nilai-t, Pekali Laluan, dan R^2 dengan prosedur <i>bootstrapping</i>	207
Rajah 4.10	Model Struktur hirarki kedua terpendam (<i>2-stage embedded</i>) dengan nilai pemuatan, nilai-t, Pekali Laluan, dan R^2 dengan prosedur <i>bootstrapping</i>	209
Rajah 4.11	Kuadrant bagi Analisis Matriks Kepentingan-Prestasi (IPMA)	216
Rajah 4.12	Analisis Matriks Kepentingan-Prestasi (IPMA) Konstruk	218
Rajah 4.13	Analisis Matriks Kepentingan Prestasi (IPMA) Peringkat Domain	223
Rajah 4.14	Keputusan IPMA Kuadrant Domain Kajian	224
Rajah 4.15	Model Struktur bagi Kumpulan Kursus Keusahawanan RBT dengan nilai pemuatan, Pekali Laluan, dan R^2 dengan prosedur <i>bootstrap MGA</i>	237
Rajah 4.16	Model Struktur bagi Kumpulan Bukan Kursus Keusahawanan RBT dengan nilai pemuatan, Pekali Laluan, dan R^2 dengan prosedur <i>bootstrap MGA</i>	238
Rajah 4.17	Intipati Model Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan bagi Guru Pelatih IPG	241
Rajah 4.18	Peta Laluan Analisis Matriks Kepentingan-Prestasi (IPMA) bagi Model Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan bagi Guru Pelatih IPG	242
Rajah 5.1	Model Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	283

SENARAI SINGKATAN

AVE	Average Variance Extracted
CA	Cronbach Alpha
CFA	Confirmatory Factor Analysis
CLO	Course Learning Outcomes
CMB	Common Method Bias
CMV	Common Method Variance
CR	Composite Reliability
CVI	Content Validity Index
DV	Dependent Variable
EPRD	Educational Planning and Policy Research Division
GEM	Global Entrepreneurship Monitor
HTMT	Heterotrait-Monotrait Ratio
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPMA	Importance–Performance Matrix Analysis
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IV	Independent Variable
KMU	Kemahiran Keusahawanan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MGA	Multi Group Analysis
MICOM	Measurement Invariance of Composite Model
MV	Moderator Variable
PEO	Programme Educational Objectives
PLO	Programme Learning Outcomes
PLS	Partial Least Square
RMK	Ringkasan Maklumat Kursus
SEM	Structural Equation Modeling
TPB	Theory of Planned Behavior
TVET	Technical and Vocational Education and Training
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
VIF	Variance Inflation Factor

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A1	Kebenaran Menggunakan dan Mengadaptasi Instrumen Kajian 1
LAMPIRAN A2	Kebenaran Menggunakan dan Mengadaptasi Instrumen Kajian 2
LAMPIRAN A3	Kebenaran Menggunakan dan Mengadaptasi Instrumen Kajian 3
LAMPIRAN B1	Surat Lantikan Pakar Bahasa 1
LAMPIRAN B2	Surat Lantikan Pakar Bahasa 2
LAMPIRAN B3	Surat Lantikan Pakar Bahasa 3
LAMPIRAN C1	Surat Lantikan Pakar Kandungan 1
LAMPIRAN C2	Surat Lantikan Pakar Kandungan 2
LAMPIRAN C3	Surat Lantikan Pakar Kandungan 3
LAMPIRAN C4	Surat Lantikan Pakar Kandungan 4
LAMPIRAN C5	Surat Lantikan Pakar Kandungan 5
LAMPIRAN C6	Surat Lantikan Pakar Kandungan 6
LAMPIRAN C7	Surat Lantikan Pakar Kandungan 7
LAMPIRAN C8	Surat Lantikan Pakar Kandungan 8
LAMPIRAN D1	Borang Pengesahan Kesesuaian Bahasa oleh Pakar Bahasa 1
LAMPIRAN D2	Borang Pengesahan Kesesuaian Bahasa oleh Pakar Bahasa 2
LAMPIRAN D3	Borang Pengesahan Kesesuaian Bahasa oleh Pakar Bahasa 3
LAMPIRAN E1	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 1
LAMPIRAN E2	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 2
LAMPIRAN E3	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 3
LAMPIRAN E4	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 4
LAMPIRAN E5	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 5
LAMPIRAN E6	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 6
LAMPIRAN E7	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 7

LAMPIRAN E8	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar 8
LAMPIRAN F	Instrumen Soal Selidik Selepas Kajian Rintis
LAMPIRAN G	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian daripada EPRD (Rintis)
LAMPIRAN H	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian daripada IPGM (Rintis)
LAMPIRAN I	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian daripada EPRD (Sebenar)
LAMPIRAN J	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian daripada IPGM (Sebenar)
LAMPIRAN K	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian daripada Kampus IPG
LAMPIRAN L	Surat Kelulusan Etika Penyelidikan Manusia daripada JEPeM
LAMPIRAN M1	Borang Keizinan Peserta Kajian (Responden)
LAMPIRAN M2	Borang Keizinan Penerbitan Bahan Berkaitan Peserta Kajian

**PENGARUH FAKTOR PERAMAL TERHADAP KESEDIAAN PENERAPAN
ELEMEN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH:
KURSUS KEUSAHAWANAN RBT SEBAGAI MODERATOR**

ABSTRAK

Kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih merupakan keperluan penting dalam mendepani cabaran bidang pendidikan yang dinamik. Namun, guru pelatih IPG masih kurang kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai pengaruh faktor peramal terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih IPG berdasarkan Teori Tingkah laku Terancang Ajzen dan akhlak keusahawanan berdasarkan konsep keusahawanan al Falah. Kerangka konseptual kajian dibina menunjukkan pengaruh empat faktor peramal iaitu sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif reka bentuk kajian korelasi dengan kaedah tinjauan untuk mengumpul data menggunakan instrumen soal selidik. Sampel kajian dipilih secara rawak berlapis daripada populasi dan data ditadbir pada satu titik masa iaitu kaedah keratan rentas. Responden kajian terdiri daripada 551 orang guru pelatih tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) ambilan Jun 2020 daripada empat zon IPG di Semenanjung Malaysia. Analisis statistik yang digunakan adalah analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 27.0 dan analisis inferensi menggunakan perisian SmartPLS4.0 bagi menilai Model Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modeling*) melalui kaedah *Partial Least Square* (PLS-SEM). Dapatan kajian menunjukkan semua variabel berada pada tahap tinggi berdasarkan maklum balas guru pelatih. Akhlak

keusahawanan ($\beta=0.559$, $t=16.441$) merupakan peramal terpenting diikuti oleh sokongan persekitaran sosial keusahawanan ($\beta=0.182$, $t=6.787$) efikasi sendiri keusahawanan ($\beta=0.198$, $t=6.069$) dan sikap keusahawanan dalaman ($\beta=0.099$, $t=3.502$) dengan korelasi terendah. Semua peramal menunjukkan pengaruh yang signifikan ($p < 0.001$) terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih dengan menjelaskan 83.4 peratus varians. Namun, Moderator Kursus Keusahawanan RBT tidak menunjukkan perbezaan pengaruh yang signifikan antara variabel peramal dengan variabel hasil. Sebuah model kesediaan penerapan elemen keusahawanan dihasilkan berpandukan kepada model struktur hubungan antara variabel dan analisis matrik kepentingan-prestasi bagi variabel yang dikaji. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan guru sama ada guru pelatih bidang TVET ataupun bidang-bidang lain. Pengamalan sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri dan akhlak berkaitan keusahawanan akan memberi kelebihan kepada guru pelatih dalam mendepani cabaran bidang pekerjaan yang semakin kompleks pada masa hadapan. Model kajian yang dihasilkan boleh dimanfaatkan secara langsung oleh guru pelatih dan menjadi panduan dan rujukan pihak pengurusan KPM dan IPGM dalam usaha menambahbaik kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.

**THE INFLUENCE OF PREDICTORS ON THE READINESS TO APPLY
ENTREPRENEURIAL ELEMENTS AMONG TRAINEE TEACHERS:
ENTREPRENEURSHIP COURSE IN RBT AS A MODERATOR**

ABSTRACT

The readiness to apply entrepreneurial elements among trainee teachers is crucial in facing the dynamic challenges in education. However, IPG trainee teachers still lack in readiness to apply entrepreneurial elements. Hence, this study aims to examine the predictors' influence on the readiness to apply entrepreneurial elements among IPG trainee teachers based on Ajzen's Theory of Planned Behaviour and entrepreneurial morality based on al Falah concept of entrepreneurship. A conceptual framework was constructed to test four predictors, namely internal entrepreneurial attitude, entrepreneurial social environment support, entrepreneurial self-efficacy, and entrepreneurial morality. The quantitative approach correlation design by survey method using questionnaires have been utilised in collecting data. Samples were randomly selected through stratified sampling and data were collected cross-sectionally from samples in the population. The respondents consisted of 551 trainee teachers in final year Bachelor Degree in Teaching Programme (PISMP) June 2020 intake from IPGs in Peninsular Malaysia. The descriptive statistics were analysed using SPSS 27.0 version software, while the inference statistics were analysed using SmartPLS4.0 software utilising Partial Least Square Structural Equation Modelling (PLS-SEM) method. The findings showed that all predictors are at high level. Entrepreneurial morality ($\beta=0.559$, $t=16.441$) is the most important predictor, followed by entrepreneurial social environmental support ($\beta=0.182$, $t=6.787$) entrepreneurial self-efficacy ($\beta=0.198$, $t=6.069$) and internal entrepreneurial attitude

($\beta=0.099$, $t=3.502$) with the lowest correlation. All predictors are significantly influenced ($p < 0.001$) the outcome variable by contributing 83.4 percent of variance. However, the tested moderator (RBT Entrepreneurship Course) did not show a significant difference on the relationship between predictors and outcome variable. A model of readiness to apply entrepreneurial elements is produced based on structural model and the importance-performance matrix analysis. This study contributes to the new body of knowledge in teacher education and training. The practice of entrepreneurial attitudes, entrepreneurial support, self-efficacy, and morality would be advantages for trainee teachers in facing future challenges of employment. The results of this study could be utilised by trainee teachers and would be a guidance for the management of MOE and IPGM to improve the readiness to apply entrepreneurial elements among IPG trainee teachers.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Elemen keusahawanan merupakan elemen penting dalam bidang TVET (*Technical and Vocational Education and Training*) (UNESCO, 2021). Antara elemen keusahawanan yang utama ialah kreatif dan inovatif (Leffler, 2020; Pardiman dan Khoirul, 2020). Kreativiti merupakan keupayaan seseorang menghasilkan sesuatu idea atau produk yang baharu (Martinez & Munoz, 2021), manakala inovatif adalah kebolehan menambahbaik atau menambah nilai kepada idea, produk atau perkhidmatan sedia ada (Ikhwan et al., 2022). Kajian menunjukkan bahawa pemupukan kreativiti dan inovasi di peringkat pendidikan dapat memperkukuh sikap, pengetahuan, kemahiran, dan keyakinan individu terhadap nilai-nilai keusahawanan (Leffler, 2020; Martinez & Munoz, 2021). Dalam konteks TVET, penerapan elemen ini bukan sahaja mempersiapkan guru pelatih menghadapi pasaran kerja, tetapi juga membolehkan mereka bertindak balas secara adaptif terhadap perubahan teknologi dan ekonomi (UNESCO, 2021). Oleh itu, integrasi elemen keusahawanan dalam kurikulum TVET dan program pendidikan guru adalah langkah strategik untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, kreatif, dan mampu mendepani cabaran global yang semakin kompleks.

Penerapan elemen keusahawanan yang menekankan unsur kreativiti dan inovasi dalam kurikulum sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa elemen tersebut amat penting dikuasai oleh pelajar. Pelaksanaannya adalah dengan memasukkan elemen keusahawanan dalam mata pelajaran di sekolah atau diistilahkan sebagai merentasi kurikulum (Kementerian

Pendidikan Malaysia, 2021). Penerapan elemen keusahawanan dalam kurikulum sekolah dilaksanakan sama ada dengan pendekatan penyebatian sekiranya aktiviti pengajaran secara jelas berkisar tentang elemen keusahawanan, atau pendekatan pengintegrasian pada mana-mana langkah pengajaran sekiranya aktiviti pengajaran tidak jelas membincangkan elemen keusahawanan, atau pengaplikasian pada akhir sesi pengajaran dengan menghubungkan hasil pembelajaran dengan situasi keusahawanan sebenar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Dalam konteks Institut Pendidikan Guru (IPG), penerapan elemen keusahawanan digariskan dalam Buku Panduan Penerapan Kemahiran Insaniah iaitu Kemahiran Personal dan Keusahawanan (KPK). Kemahiran ini menjurus kepada Kemahiran Keusahawanan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2019) yang membina kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian masing-masing. Semua guru pelatih IPG akan diterapkan elemen keusahawanan dalam kursus-kursus di IPG. Manakala bagi guru pelatih bidang TVET iaitu opsyen Reka Bentuk dan Teknologi, selain mempelajari kursus yang menerapkan elemen keusahawanan, mereka turut mempelajari Kursus Keusahawanan dalam Reka Bentuk dan Teknologi.

Harapan IPG agar bakal guru yang dilatih memiliki minda dan kemahiran keusahawanan berdasarkan kurikulum yang dilalui di IPG. Konsep keusahawanan yang dipelajari bukan sahaja menekankan mengenai perniagaan dan perusahaan, tetapi turut mementingkan pembangunan peribadi dan meningkatkan kemahiran keusahawanan guru pelatih agar dapat diterapkan dalam bidang pengajian mereka. Oleh itu, pembangunan diri atau peribadi dengan ciri-ciri keusahawanan boleh dimanfaatkan dalam profesion; untuk diri guru pelatih sendiri, murid-murid yang diajar, warga sekolah, dan komuniti persekitaran keseluruhannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kursus keusahawanan merupakan salah satu kursus bidang TVET di Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana keperluan kepada elemen keusahawanan bagi guru pelatih bidang TVET iaitu bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) tidak mewajibkan satu kursus atau mata pelajaran khusus bidang keusahawanan di IPG untuk semua guru pelatih selain bidang RBT. Hanya guru pelatih Bidang Reka Bentuk dan Teknologi diwajibkan mempelajari dua kursus keusahawanan dalam RBT iaitu kursus Asas Perniagaan dan Keusahawanan dan kursus Asas Perakaunan dan Perniagaan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2017). Oleh itu, guru pelatih bidang RBT seharusnya lebih bersedia dengan elemen keusahawanan berbanding guru pelatih bidang lain.

Guru pelatih RBT mempelajari kursus Asas Perniagaan dan Keusahawanan pada peringkat Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda (PPISMP). Kursus tersebut ditawarkan bagi membolehkan guru pelatih RBT mendapat kefahaman tentang asas-asas perniagaan dan keusahawanan yang merupakan sebahagian daripada kandungan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi. Kursus ini memberi fokus kepada pembentukan diri usahawan ke arah pembinaan perniagaan yang berjaya, dan perniagaan tersebut mampu diurus dengan cekap serta patuh kepada etika dan undang-undang perniagaan. Tumpuan diberikan kepada asas persekitaran perniagaan, pengurusan, pemasaran, pengeluaran dan pengurusan kewangan. Guru pelatih akan didedahkan kepada konsep keusahawanan dan bantuan yang disediakan kepada usahawan. Guru pelatih juga akan diajar menyediakan rancangan perniagaan yang digunakan oleh usahawan dalam menjalankan perniagaan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2017).

Kemudian, pada peringkat Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP), guru pelatih RBT mempelajari kursus Asas Perakaunan dan Perniagaan sebagai lanjutan dan kesinambungan daripada kursus asas keusahawanan dan perniagaan yang telah dipelajari pada peringkat persediaan. Kursus tersebut ditawarkan supaya guru pelatih RBT dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam perniagaan dan keusahawanan. Bagi menjana pengetahuan dan kemahiran tersebut, kursus ini berfokuskan kepada perbincangan cabaran semasa perniagaan dan keusahawanan, penyediaan penyata kewangan perniagaan, menghasilkan rancangan pemasaran, mereka bentuk laman sesawang perniagaan dan menilai sumbangan keusahawanan kepada pembangunan negara (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2017). Guru pelatih juga dikehendaki melaksanakan projek berasaskan keusahawanan seperti menghasilkan produk, merancang sebuah perniagaan atau membina laman perniagaan secara atas talian agar mereka memperoleh pengalaman konkrit dalam keusahawanan dan dapat diterap elemen keusahawanan dalam diri guru pelatih RBT.

Keusahawanan adalah kursus penting bidang RBT disebabkan elemen keusahawanan yang dimiliki memberi sokongan dan kesan gandaan atau rangkaian kepada sub-bidang RBT yang lain. Hal ini kerana sub-bidang RBT memerlukan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan untuk memastikan kemahiran yang diperoleh dalam sub-bidang lain lebih bermakna dan dapat diketengahkan untuk perhatian umum atau sekurang-kurangnya kebolegunaan produk atau hasil daripada kemahiran bidang RBT. Sub-bidang RBT di IPG adalah bidang penghasilan produk pertukangan, agrotani sayuran dan hiasan, pengurusan makanan dan teknologi, pengurusan bengkel, pemeliharaan ikan hiasan, perkomputeran, elektrik dan elektronik, dan reka bentuk pakaian (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2023). Kesemua sub-bidang tersebut yang menjadi kursus-kursus bidang RBT di IPG

memerlukan sentuhan elemen keusahawanan untuk dipelajari dan diaplikasikan dalam kehidupan, umpamanya unsur kreativiti, inovasi, menjangkakan risiko, keinginan kepada kejayaan, kemampuan merancang, kemahiran komunikasi, dan pengurusan kewangan yang merupakan antara elemen yang perlu dimiliki guru pelatih dengan ciri-ciri keusahawanan.

Sementara itu, bidang pengajian selain daripada bidang TVET-Reka Bentuk dan Teknologi, tidak menawarkan kursus keusahawanan sebagai kursus wajib dipelajari. Namun, elemen keusahawanan masih diterapkan dalam bidang tersebut melalui kursus-kursus umum yang wajib dipelajari di IPG tanpa dibatasi oleh bidang pengajian. Penerapan tersebut dilaksanakan secara merentas kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran empat kursus wajib iaitu kursus Inovasi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran, kursus Kokurikulum Persatuan, kursus Asas Kepemimpinan dan Pembangunan Profesionalisme Guru, dan kursus Internship (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2019). Untuk tujuan tersebut, Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM (IPGM, 2019) digubal sebagai panduan menerapkan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.

Secara khususnya kursus Inovasi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran memerlukan guru pelatih menghasilkan inovasi berasaskan masalah pengajaran dan pembelajaran untuk tujuan pemasaran; kursus Kokurikulum Persatuan mengkehendaki guru pelatih menganalisis maklumat berkaitan penubuhan persatuan dan aktiviti penajaan kewangan berpandukan analisis SWOT; kursus Asas Kepemimpinan dan Pembangunan Profesionalisme Guru membimbing guru pelatih merangka pelan tindakan untuk mengurus perubahan dalam bidang pendidikan dengan menghasilkan sama ada bahan atau kaedah pengajaran yang inovatif dan seterusnya melihat peluang perniagaan yang wujud hasil inovasi yang dilaksanakan; dan akhir sekali kursus

Internship yang dilaksanakan secara amali memerlukan guru pelatih menyediakan kertas cadangan untuk melaksanakan projek atau aktiviti berinovasi yang mempunyai nilai-nilai komersial di sekolah dan seterusnya melaksanakan projek atau aktiviti berinovasi dengan berbantuan pelbagai sumber dan teknologi secara individu di sekolah yang ditempatkan semasa pelaksanaan internship.

Penerapan elemen keusahawanan dalam empat kursus tersebut dilaksanakan sama ada melalui kaedah kuliah, tutorial, kajian kes dan pelaporan, perancangan dan pelaksanaan projek, dan amali atau kerja lapangan. Pencapaian objektif penerapan elemen keusahawanan diukur berdasarkan rubrik penilaian kerja kursus atau pentaksiran berterusan bagi setiap kursus yang menerapkan elemen keusahawanan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2016). Hasil daripada penerapan elemen keusahawanan dengan kaedah tersebut, guru pelatih diharapkan mencapai hasil-hasil pembelajaran berkaitan elemen yang diterapkan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2019) dan seterusnya mewujudkan kesediaan guru pelatih menerapkan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka kelak.

Sungguhpun begitu, masih terdapat laporan dan maklum balas serta dapatan kajian yang menunjukkan bahawa guru pelatih masih belum bersedia mengaplikasikan elemen keusahawanan (Global Entrepreneurship Monitor, 2022; UNESCO, 2021; Ibrahim et al., 2019; Ali & Buang, 2019; Ilias et al., 2020; Alias & Hamzah, 2022). Berdasarkan kurikulum IPG yang dilalui, guru pelatih seharusnya telah bersedia dengan pengetahuan, sikap, kemahiran dan kemampuan untuk menerapkan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka (Ong et al., 2020). Elemen keusahawanan yang diterapkan di IPG dengan sokongan persekitaran keusahawanan seharusnya telah membentuk kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.

Justeru pengkaji perlu mengenal pasti faktor sebenar yang mempengaruhi kesediaan guru pelatih IPG di Malaysia. Oleh itu, guru pelatih tahun akhir iaituambilan Jun 2020 daripada sekurang-kurangnya empat buah IPG yang mewakili setiap zon IPG di Semenanjung Malaysia dipilih menjadi responden kajian. IPG yang dipilih perlu memiliki ciri utama iaitu terdapat guru pelatih bidang RBT selain daripada bidang-bidang lain agar perwakilan antara guru pelatih yang mengambil kursus keusahawanan RBT dan tidak mengambil kursus keusahawanan RBT adalah setara. Maka, maklum balas daripada responden akan mengenal pasti tahap penguasaan guru pelatih berkaitan elemen keusahawanan berdasarkan kurikulum yang dilalui? Adakah guru pelatih bersedia dan berkemahiran menerapkan elemen keusahawanan? Apakah faktor dominan yang menyumbang kepada kesediaan guru pelatih? Adakah kursus keusahawanan RBT mempengaruhi kesediaan guru pelatih? Bertitik tolak daripada itu, satu usaha dalam bentuk kajian perlu dilakukan bagi memastikan dapatan dan cadangan saintifik dan konstruktif dapat dikemukakan terhadap isu yang dihadapi.

1.3 Pernyataan Masalah

Laporan Global Entrepreneurship Monitor (2022) menunjukkan lebih 75 peratus guru pelatih tidak bersedia dalam penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengkhususan masing-masing. Pakar GEM menilai tahap penerapan elemen keusahawanan amat rendah iaitu berada di bawah skor 5 daripada skor maksimum 10 bagi 90 peratus negara yang dipantau. Laporan tersebut tidak menyatakan dengan jelas faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Masalah global tersebut turut dikesan berlaku kepada guru pelatih IPG yang kurang kesediaan dalam penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka (Ibrahim et al., 2019; Hassan et al., 2020; Thomson et al., 2021). Mereka tidak

mengetahui punca masalah tidak bersedia dalam penerapan elemen keusahawanan (Ali & Buang, 2019), oleh itu, faktor yang mempengaruhi kesediaan penerapan perlu dikenal pasti. Berdasarkan pelaksanaan kurikulum IPG, ketidaksediaan guru pelatih seharusnya tidak berlaku (Ong et al., 2020) kerana ia boleh menyebabkan mereka gagal mengaplikasikan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka. Kegagalan usaha penerapan elemen keusahawanan ini memberi implikasi perbelanjaan kerajaan dengan pulangan yang tidak setara, iaitu dianggarkan sebanyak RM2.4 juta bagi kos syarahan bidang keusahawanan dan penerapan elemen keusahawanan sahaja bagi setiapambilan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2022b; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020), tidak termasuk kos penginapan, penyediaan kemudahan pembelajaran, utiliti, dan elaun yang dibayar kepada guru pelatih sepanjang tempoh pengajian.

Isu-isu berkaitan masalah utama kesediaan penerapan elemen keusahawanan dikenal pasti berpandukan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) yang menyatakan sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif (sokongan persekitaran sosial) dan tanggapan kawalan tingkah laku (efikasi sendiri) serta akhlak keusahawanan berdasarkan konsep keusahawanan al-falah (Md. Ali et al., 2021; Aqbar et al., 2020) adalah mempengaruhi perlakuan kesediaan seseorang. Pertamanya ialah terdapat kajian mendapati tahap rendah peramal kesediaan menerapkan elemen keusahawanan iaitu sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG (Rahman et al., 2020; Zulfikri, 2021; Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2021; Ilias et al., 2020; Othman & Rahman, 2020, Ibrahim et al., 2019; Wajdi & Abu Ziden, 2019; Alias & Hamzah, 2022). Penguasaan yang rendah mengakibatkan 58.4 peratus guru pelatih tidak dapat mempraktikkan sikap

keusahawanan dalaman (Zulfikri, 2021) dan tidak menunjukkan sikap keusahawanan dalaman dalam tindakan mereka (Rahman et al., 2020). Laporan Pengesanan Graduan IPG KPM yang berkhidmat di sekolah menunjukkan dapatan efikasi sendiri keusahawanan berada pada kedudukan kedua terbawah daripada 10 aspek kompetensi (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2021). Dapatan tersebut selaras dengan kajian Ilias et al. (2020) dan Othman dan Rahman, (2020) bahawa efikasi keusahawanan adalah paling rendah dikuasai guru pelatih. Kelemahan tersebut ditambah lagi oleh persekitaran sosial guru pelatih yang kurang menyokong aktiviti keusahawanan (Majid & Ahmad, 2021; Nasip et al., 2019; Ramli & Seman, 2020). Keluarga dan rakan-rakan tidak menggalakkan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan. Manakala, para pensyarah menganggap kerjaya keusahawanan adalah berisiko tinggi dan tidak menjamin kehidupan. Sementara itu, komuniti persekitaran juga tidak menunjukkan sokongan kepada aktiviti keusahawanan. Seterusnya, nilai akhlak keusahawanan masih berada pada tahap terendah berbanding Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang lain (Alias & Hamzah, 2022; Wajdi & Abu Ziden 2019), maka perlu dikenal pasti tahap penguasaan sebenar guru pelatih IPG.

Isu kedua adalah kelemahan hubungan dan pengaruh faktor peramal terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan guru pelatih IPG disebabkan oleh tahap faktor peramal yang rendah. Sikap keusahawanan dalaman yang rendah akan menggagalkan kesediaan elemen keusahawanan (Ramli & Seman, 2020) dan guru pelatih tidak tahu menerapkan sikap keusahawanan dalaman (Awosika et al., 2021) dalam bidang pengajian mereka. Sikap keusahawanan yang rendah adalah di luar jangkaan (Omar et al., 2021; Ong et al., 2020) dan menjejaskan kemampuan menerap atau mengaplikasikannya. Situasi tersebut bertambah sukar apabila sokongan persekitaran sosial dan efikasi sendiri keusahawanan yang lemah dalam kalangan guru

pelatih memberi kesan tidak baik dalam membimbing dan melaksanakan aktiviti keusahawanan (Mohamad & Othman, 2018; Newman et al., 2019; Crespo et al., 2020; Abdelkarim, 2021; Wu et al., 2022). Tahap sokongan sosial yang rendah terhadap aktiviti keusahawanan memberi implikasi kepada kecenderungan penguasaan elemen keusahawanan seterusnya memberi kesan kepada kesediaan penerapan elemen keusahawanan guru pelatih IPG. Manakala nilai akhlak yang menyokong nilai-nilai keusahawanan adalah tidak jelas (Yusof et al., 2021) serta kurang diberi penekanan (Santosa et al., 2020) maka ramai guru pelatih tidak menerapkan elemen akhlak dalam keusahawanan (Nadzri & Yaacob, 2019). Hal ini menunjukkan faktor-faktor peramal sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan dan akhlak keusahawanan mempengaruhi kesediaan penerapan elemen keusahawanan guru pelatih IPG. Sebuah model pengukuran dan struktur perlu dibina bagi menjelaskan hubungan lima variabel untuk dinilai secara serentak bagi memahami situasi sebenar yang dihadapi guru pelatih IPG.

Selanjutnya isu ketiga, berdasarkan rujukan dan bacaan pengkaji, faktor peramal yang dijelaskan masih belum dikaji secara serentak bagi menilai kepentingan dan prestasi antara keempat-empat faktor yang menunjukkan hubungan dan pengaruhnya terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Kajian-kajian yang dijalankan menjurus kepada sikap dan kompetensi keusahawanan dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan (Ali & Buang, 2019; Zulfikri, 2021), perbandingan tahap kesediaan dan kesedaran keusahawanan (Hassan et al., 2020; Majid & Ahmad, 2021), Sikap keusahawanan dan prestasi akademik Omar & Othman, 2021), elemen pengetahuan, amalan, kemahiran dan persekitaran keusahawanan (Zainal et al., 2020), cabaran penerapan elemen keusahawanan (Mahmud et al., 2022), pendidikan akhlak dan keusahawanan (Yusof et al., 2021), kesediaan keusahawanan dan daya tahan

pelajar (Othman & Rahman, 2020), kompetensi keusahawanan dan pendidikan keusahawanan (Nazari, 2018), efikasi sendiri keusahawanan dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan (Ibrahim et al., 2019), efikasi sendiri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan (Mohamad & Othman, 2018). Kajian-kajian berasingan yang telah dilaksanakan tidak dapat menilai hubungan serentak antara keempat-empat faktor peramal terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Justeru, konstruk terpenting tidak dapat dikenal pasti bersama tahap prestasinya kerana perbandingan antara konstruk tidak dapat dilakukan. Oleh itu, kajian serentak antara konstruk sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, akhlak keusahawanan dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dapat menilai konstruk dominan dan kurang dominan berdasarkan kepentingan dan prestasinya dalam kalangan guru pelatih.

Keempat, kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat perbezaan signifikan kesediaan penerapan elemen keusahawanan berdasarkan kursus keusahawanan yang dipelajari (Mohamad et al., 2020; Pardiman & Khoirul, 2020; Rahim & Mukhtar, 2021; Saad & Sankaran, 2021; Kumar et al., 2021). Kajian-kajian Bakar et al. (2022), Handiman et al. (2022) dan Shah et al. (2020) membincangkan secara khusus peranan kursus keusahawanan sebagai moderator yang signifikan terhadap hubungan antara sikap keusahawanan, norma subjektif atau sokongan persekitaran sosial keusahawanan dan efikasi sendiri keusahawanan terhadap kesediaan penerapan keusahawanan. Dapatan kajian tentang pengaruh kursus keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan menunjukkan ia berperanan menguatkan hubungan antara variabel bebas dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Maka, faktor kursus keusahawanan di IPG perlu dikaji pengaruhnya sebagai moderator atau penyederhana terhadap hubungan sikap keusahawanan dalaman, sokongan

persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih IPG.

Pada akhir kajian, satu cadangan model akhir akan dihasilkan secara empirikal yang dapat merungkai faktor utama mempengaruhi kesediaan penerapan elemen keusahawanan guru pelatih IPG dan seterusnya menilai konstruk terpenting yang paling mempengaruhi kesediaan dan konstruk paling lemah prestasinya. Peranan moderator terhadap hubungan tersebut supaya dapat menjadi model panduan penerapan elemen keusahawanan dalam latihan perguruan di IPG.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh faktor peramal terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji mengenal pasti tahap dan mengkaji hubungan dan pengaruh sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). Selain itu, kursus keusahawanan yang dipelajari guru pelatih bidang reka bentuk dan teknologi dinilai sebagai penyederhana (moderator) yang dapat meningkatkan pengaruh faktor peramal terhadap kesediaan penerapan. Oleh itu, faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan dapat dijelaskan dan faktor utama (dominan) dapat dikenal pasti sebagai model panduan penerapan elemen keusahawanan di IPG.

Objektif-objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, akhlak keusahawanan, dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.
2. Membina model pengukuran dan model struktur bagi menilai pengaruh konstruk sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.
3. Menilai prestasi dan kepentingan konstruk sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG melalui Analisis Matrik Kepentingan-Prestasi (*Importance-Performance Matrix Analysis-IPMA*).
4. Mengkaji sama ada faktor penyederhana (moderator) kursus keusahawanan RBT boleh menyebabkan perbezaan dalam pengaruh antara sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG melalui analisis multi-kumpulan (*Multigroup Analysis-MGA*).

1.5 Soalan Kajian

Kajian dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, akhlak keusahawanan, dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG?

2. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara konstruk sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG?
3. Apakah konstruk terpenting dan tahap prestasinya bagi pengaruh antara konstruk sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG?
4. Adakah terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan antara sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan, dan akhlak keusahawanan dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG berdasarkan moderator kursus keusahawanan RBT?

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi mencapai objektif kajian kedua, empat hipotesis alternatif dibentuk bagi mencadangkan pengaruh antara konstruk-konstruk seperti berikut:

- Ha₁: Sikap keusahawanan dalaman menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.
- Ha₂: Sokongan persekitaran sosial keusahawanan menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.

Ha₃: Efikasi sendiri keusahawanan menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.

Ha₄: Akhlak keusahawanan menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG.

Bagi mencapai objektif kajian keempat, empat hipotesis nol dibentuk bagi mencadangkan pengaruh antara konstruk-konstruk dengan moderator seperti berikut:

Ho₁: Tidak terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan antara sikap keusahawanan dalaman dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih IPG berdasarkan kursus keusahawanan RBT.

Ho₂: Tidak terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan antara sokongan persekitaran sosial keusahawanan dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih IPG berdasarkan kursus keusahawanan RBT.

Ho₃: Tidak terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan antara efikasi sendiri keusahawanan dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih IPG berdasarkan kursus keusahawanan RBT.

Ho₄: Tidak terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan antara akhlak keusahawanan dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih IPG berdasarkan kursus keusahawanan RBT.

1.7 Kepentingan Kajian

Model yang dihasilkan melalui kajian ini dapat mengenal pasti faktor peramal kesediaan penerapan elemen keusahawanan yang utama merangkumi sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan dan akhlak keusahawanan. Kajian ini juga dapat menunjukkan sama ada kursus keusahawanan RBT menyumbang kesan perbezaan yang signifikan pengaruh faktor peramal terhadap kesediaan guru pelatih IPG. Maka ia memberi sumbangan signifikan kepada perkembangan ilmu pengetahuan bidang keusahawanan dan pendidikan teknikal dan vokasional. Selain itu, tahap penguasaan guru pelatih ditunjukkan berdasarkan maklum balas mereka terhadap faktor peramal dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Analisis lanjutan daripada model ini juga dapat mengenal pasti faktor yang paling penting mempengaruhi kesediaan dan pada masa yang sama dapat mengenal pasti faktor yang paling rendah penguasaannya dalam kalangan guru pelatih IPG. Oleh itu cadangan penambahbaikan yang konstruktif dapat dikemukakan berdasarkan hasil kajian ini.

Selanjutnya, dari sudut teori kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengembangan teori berkaitan Teori Tingkah laku Terancang Ajzen (1991) yang terdiri daripada konstruk sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku yang mempengaruhi niat kesediaan terhadap sesuatu tingkah laku. Konstruk sikap terhadap tingkah laku yang dikembangkan dalam kajian ini sebagai sikap keusahawanan dalaman berdasarkan Model Keusahawanan Dalaman (Antoncic & Hisrich, 2003). Norma subjektif dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian Linan (2008) dan Linan et al. (2011) yang mengemukakan norma subjektif daripada perspektif keusahawanan iaitu sokongan persekitaran sosial kepada keusahawanan. Teori kognitif Sosial (Bandura, 1986) mengemukakan konsep efikasi

kendiri selari dengan konstruk tanggapan kawalan tingkah laku (Ajzen, 1991) dalam TPB yang juga berasal daripada konsep efikasi sendiri Bandura. Kajian ini menyelaraskan konstruk tersebut menjurus kepada efikasi sendiri keusahawanan berdasarkan sokongan literatur-literatur kajian efikasi keusahawanan (Chen et al., 1998; DeNoble et al., 1999; Krueger et al., 2000; McGee et al., 2009; Moberg, 2012). Selain itu Akhlak keusahawanan berdasarkan konsep keusahawanan al-Falah (Mokhtar et al., 2021; M. M. Ali et al., 2021; Aqbar et al., 2020) memberi nilai novelti signifikan terhadap aspek kesediaan daripada perspektif religiositi.

Dari sudut metodologi pula, kajian ini penting kerana sumbangannya kepada ilmu mengenai penggunaan analisis PLS-SEM. Analisis PLS-SEM yang digunakan dalam kajian ini lebih berfokus kepada memaksimumkan varian pada kesediaan penerapan elemen keusahawanan yang mampu dijelaskan oleh gabungan sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan dan akhlak keusahawanan yang sebelum ini terpisah dan dikaji secara berasingan serta menghasilkan dapatan yang kurang komprehensif oleh kajian-kajian lepas. Analisis lanjutan dengan kaedah *Importance-Performance Matrix Analysis (IPMA)* turut menjadikan kajian ini lebih bermakna dengan pembuktian yang lebih konstruktif. Oleh itu, kajian ini penting dan memberi sumbangan kepada perkembangan penggunaan analisis PLS-SEM dalam kajian-kajian seumpamanya yang berbentuk penerokaan untuk penambahbaikan teori pada masa akan datang (Hair et al., 2017).

Seterusnya, dari sudut amalan atau praktikal, dapatan daripada kajian ini dapat memberikan satu kefahaman empirikal mengenai kepentingan sikap keusahawanan dalaman, sokongan persekitaran sosial keusahawanan, efikasi sendiri keusahawanan dan akhlak keusahawanan yang mengupayakan kesediaan guru pelatih IPG dalam

penerapan elemen keusahawanan. Oleh itu, konstruk-konstruk ini sangat penting dalam memastikan guru pelatih bersedia dengan bidang profesion mereka. Dapatan kajian juga perlu diambil perhatian oleh pihak pengurusan dan penggubal kurikulum IPGM dalam merangka kurikulum keusahawanan atau penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih IPG. Sesungguhnya kajian ini selaras dengan usaha KPM melalui IPGM dengan slogan “Bina Insan Guru dengan Membina Upaya Guru” dalam melaksanakan tugas yang diterapkan ketika dalam latihan perguruan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2022a). Keusahawanan bukan sekadar pendidikan untuk menjadi seorang peniaga atau usahawan, keusahawanan juga sebenarnya melangkaui semua bidang profesion. Hasil kajian akan membantu menentukan elemen keusahawanan yang perlu atau tidak perlu dimasukkan dalam kurikulum IPG. Dengan itu, kurikulum kemaskini yang dihasilkan lebih objektif dalam usaha memberi kesediaan kepada guru pelatih dengan elemen yang mereka benar-benar perlukan semasa latihan perguruan.

Langkah ke hadapan, guru pelatih yang bersedia dengan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka akan meneruskan amalan penerapan elemen keusahawanan di sekolah. Murid yang menerima pendedahan dan bimbingan aspek keusahawanan dengan betul akan dapat meningkatkan potensi diri dalam bidang keusahawanan. Oleh itu usaha KPM untuk membudayakan keusahawanan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011) dalam kalangan murid sekolah dapat direalisasikan melalui usaha pada peringkat latihan guru lagi. Gagasan kejayaan pembudayaan keusahawanan di sekolah memberikan natijah yang besar kepada penyusutan kadar pengangguran yang disebabkan oleh budaya keusahawanan yang rendah dalam kalangan rakyat Malaysia (Ayob, 2020). Bertitik tolak daripada usaha ini, peranan guru pelatih selari dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai

pencipta pekerjaan (*Job creators*) berbanding pencari pekerjaan (*Job seekers*) dalam menangani masalah pengangguran.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan had yang ditetapkan oleh pengkaji untuk memastikan kajian berfokus dan tidak terlalu luas dan sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu kajian ini perlu turut dinilai berdasarkan batasan pelaksanaan kajian ini.

1.8.1 Sampel Kajian

Pemilihan sampel secara rawak berlapis berdasarkan zon IPG dan bidang pengajian RBT dan bukan RBT hanya melibatkan guru pelatih tahun akhir yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru terpilih, dan tidak merangkumi guru pelatih dari universiti awam atau swasta. Pemilihan sampel juga tidak melibatkan IPG daripada zon Sabah dan Sarawak, namun sampel yang dipilih daripada mana-mana zon IPG sudah diwakili oleh guru pelatih berasal daripada Sabah dan Sarawak. Hal ini kerana pengambilan dan kemasukan guru pelatih setiap IPG sudah merangkumi guru pelatih daripada pelbagai negeri.

1.8.2 Fokus Variabel Kajian

Kajian ini adalah berpandukan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) sebagai teori asas dalam menentukan konstruk (faktor peramal) yang mempengaruhi konstruk hasilan (kesediaan). Oleh itu, hanya melibatkan tiga variabel peramal (*exogenous variable*) iaitu sikap terhadap tingkah laku (sikap keusahawanan dalaman), norma subjektif (sokongan persekitaran sosial keusahawanan), tanggapan kawalan tingkah laku (efikasi sendiri keusahawanan) dan memperkenalkan satu variabel baharu akhlak keusahawanan berdasarkan konsep keusahawanan al-Falah dan saranan

literatur kajian. Seterusnya, pengembangan ciri-ciri variabel sebagai sub-konstruk adalah berdasarkan literatur kajian-kajian lepas berkaitan elemen keusahawanan dan berpandukan takrifan teori, model dan konsep. Sub-konstruk sikap keusahawanan dalaman berdasarkan Model Keusahawanan Dalaman Antonsic dan Hisrich; Sokongan persekitaran sosial keusahawanan berdasarkan kepada konsep norma subjektif keusahawanan Linan (2011); Efikasi sendiri keusahawanan berdasarkan Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986) yang dikembangkan oleh Moberg (2012) menjurus bidang keusahawanan, dan Akhlak Keusahawanan berdasarkan konsep keusahawanan al-Falah (Md. Ali et al., 2021; Mokhtar et al., 2021).

1.8.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian terhad kepada soal selidik berstruktur sahaja dengan respon terhad kepada skala likert 5 mata tanpa melibatkan kaedah kualitatif seperti temu bual atau pemerhatian. Maklum balas guru pelatih adalah berbentuk respon persetujuan terhadap sesuatu pernyataan berdasarkan soal selidik bagi setiap konstruk atau variabel kajian. Instrumen ditadbir secara tinjauan keratan rentas dan tidak berlaku sebarang intervensi atau rawatan sebelum, semasa atau selepas data dikutip.

1.9 Definisi Operasional dan Definisi Konseptual

Berikut ialah definisi operasional bagi istilah-istilah utama yang perlu diberikan takrifan bersesuaian dengan konteks kajian ini untuk memudahkan kefahaman tentang kajian. Definisi operasional dibuat bagi variabel-variabel yang perlu diukur berdasarkan domain atau dimensi dalam pelaksanaan kajian ini, manakala definisi konseptual bagi istilah yang tidak perlu diukur atau bukan variabel yang dikaji tetapi perlu difahami konsepnya dalam kajian ini.

1.9.1 Kesiediaan Penerapan Elemen Keusahawanan

Kesiediaan merujuk kepada kesanggupan dan keupayaan seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas yang akan datang (Ali & Buang, 2019). Manakala penerapan elemen keusahawanan ialah mengaplikasikan elemen-elemen yang boleh membawa individu mengenal kebolehan diri, cara berfikir, dan mempunyai tingkah laku yang mengamalkan ciri-ciri keusahawanan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Dalam konteks kajian ini, kesiediaan penerapan elemen keusahawanan didefinisikan secara operasional kepada tiga dimensi iaitu kesiediaan pengetahuan, kesiediaan kemahiran, dan kesiediaan niat atau motivasi guru pelatih IPG menerapkan elemen-elemen keusahawanan dalam bidang pengajian atau opsyen mereka. Ketiga-tiga dimensi tersebut diukur berdasarkan maklum balas guru pelatih pada soal selidik Kesiediaan Penerapan Elemen Keusahawanan yang diadaptasi berdasarkan soal selidik Ali (2019). Kesiediaan penerapan elemen keusahawanan merupakan variabel hasilan atau variabel bersandar bagi kajian ini.

Definisi operasional bagi ketiga-tiga dimensi iaitu kesiediaan pengetahuan guru pelatih adalah berkaitan pengetahuan elemen keusahawanan seperti pemikiran cemerlang, kreativiti, bermaklumat, dan pengetahuan penyelesaian masalah. Sementara itu, kesiediaan kemahiran guru pelatih didefinisikan sebagai kemahiran pengurusan kewangan, mengamalkan berjimat cermat dan mengelak pembaziran sumber, melaksanakan inovasi dan mempraktikkan amalan bercirikan keusahawanan dalam penyelesaian masalah. Manakala kesiediaan niat dan motivasi guru pelatih merujuk kepada keinginan menerapkan elemen keusahawanan dengan rela hati, bersedia dengan tugas mencabar dengan kesungguhan dan keikhlasan dan menganggap kerja sebagai ibadah.

1.9.2 Sikap Keusahawanan Dalam

Keusahawanan dalaman menurut Buang (2013) merupakan proses individu mengintergrasikan keusahawanan dalam profesionnya. Sikap merupakan cara seseorang berfikir, perasaan emosi dan kecenderungan bertindak terhadap sesuatu. Dalam kajian ini, sikap keusahawanan dalaman didefinisikan secara operasional merujuk kepada tiga dimensi iaitu keberanian mengambil risiko, keinginan untuk cemerlang, dan kreativiti dan berinovasi yang mendorong tingkah laku atau cara bertindak guru pelatih IPG. Ketiga-tiga dimensi tersebut diukur berdasarkan maklum balas guru pelatih pada soal selidik Sikap Keusahawanan Dalam yang diadaptasi daripada soal selidik Ali (2019) dan kajian Antoncic dan Hisrich (2003). Sikap keusahawanan dalaman merupakan variabel peramal bagi kesediaan penerapan elemen keusahawanan.

Definisi operasional bagi keberanian mengambil risiko ialah kecenderungan guru pelatih menilai dan mempertimbangkan risiko sebelum dihadapi dan mengetahui hasil atau ganjaran daripada pengambilan risiko yang telah dinilai secara bijaksana kerana ciri keusahawanan adalah bersedia menghadapi risiko dalam tindakan atau keputusan. Manakala definisi operasional bagi keinginan untuk cemerlang adalah keinginan guru pelatih meningkatkan prestasi, belajar daripada kesilapan, mengharapkan usaha yang berhasil dan sentiasa bercita-cita tinggi untuk berjaya. Sementara itu, definisi operasional bagi kreativiti dan berinovasi ialah memiliki idea baharu dan kritis dalam penyelesaian sesuatu masalah, mampu menambah baik idea sedia ada dan kemampuan penggunaan teknologi terkini dalam menghasilkan sesuatu yang baharu seiring dengan keperluan semasa.

1.9.3 Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan

Sokongan persekitaran sosial keusahawanan menurut Linan (2011) merupakan individu atau kumpulan yang dianggap penting dalam kehidupan seseorang yang mempengaruhi tanggapan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap sesuatu perlakuan. Dalam konteks kajian ini, sokongan persekitaran sosial keusahawanan didefinisikan secara operasional merujuk kepada sokongan keluarga, sokongan rakan-rakan terdekat, sokongan pensyarah yang rapat dan sokongan komuniti persekitaran yang didiami guru pelatih IPG yang mempengaruhi keputusan berkaitan keusahawanan. Empat-empat dimensi tersebut diukur berdasarkan maklum balas guru pelatih pada soal selidik Sokongan Persekitaran Sosial Keusahawanan yang diadaptasi daripada kajian Linan (2008) dan Linan et al. (2011). Sokongan persekitaran sosial keusahawanan merupakan variabel peramal bagi kesediaan penerapan elemen keusahawanan.

Definisi operasional bagi sokongan keluarga ialah pandangan guru pelatih terhadap sokongan keluarga dalam aktiviti keusahawanan, memberi cadangan terhadap sesuatu tindakan, kecenderungan keluarga terhadap perniagaan dan menganggap ciri keusahawanan sebagai penting untuk dimiliki. Seterusnya, definisi operasional bagi sokongan rakan adalah anggapan bahawa rakan lebih cenderung dengan aktiviti keusahawanan dan menyokong sebarang aktiviti keusahawanan guru pelatih, dan menganggap penglibatan aktiviti keusahawanan adalah penting dan selesa untuk dibincangkan. Sementara itu, sokongan pensyarah merujuk kepada persepsi guru pelatih bahawa pensyarah yang rapat dengannya memprakui dan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan dan mementingkan nilai-nilai keusahawanan. Manakala definisi operasional sokongan komuniti persekitaran ialah anggapan guru pelatih bahawa budaya komuniti yang cenderung kepada aktiviti

keusahawanan, komuniti menganggap bahawa keusahawanan sebagai menguntungkan walaupun berisiko dan sokongan komuniti menyediakan kemudahan untuk aktiviti keusahawanan.

1.9.4 Efikasi Kendiri Keusahawanan

Efikasi kendiri keusahawanan merupakan kepercayaan yang kuat tentang kebolehan diri yang membangkitkan motivasi dan tingkah laku untuk bertindak dengan ciri-ciri keusahawanan (Mcgee et al., 2009; Moberg, 2012). Manakala secara khusus dalam kajian ini, efikasi kendiri keusahawanan didefinisikan secara operasional berdasarkan empat dimensi iaitu kreativiti mencari maklumat, keupayaan perancangan, pengetahuan kewangan, dan kemampuan menguruskan ketidakpastian yang dipercayai mampu dilaksanakan guru pelatih IPG. Empat-dimensi tersebut diukur berdasarkan maklum balas guru pelatih pada soal selidik Efikasi Kendiri Keusahawanan yang diadaptasi daripada soal selidik Moberg (2012). Efikasi kendiri keusahawanan merupakan variabel peramal bagi kesediaan penerapan elemen keusahawanan.

Definisi operasional bagi kreativiti mencari maklumat ialah kemampuan guru pelatih mengakses maklumat organisasi atau perniagaan, dengan maklumat yang ada, guru pelatih mampu tampil dengan idea baharu dan berfikir luar kotak (luar kebiasaan) dalam melaksanakan atau menyelesaikan tugas. Seterusnya, definisi operasional keupayaan perancangan adalah merujuk kepada keupayaan guru pelatih menguruskan masa, menganalisis projek, berkebolehan menetapkan dan mencapai matlamat projek, dan merancang projek selaras dengan matlamat organisasi. Selanjutnya definisi operasional bagi pengetahuan kewangan ialah kemampuan memahami penyata kewangan, melakukan analisis kewangan, mengawal serta menganggarkan kos dan belanjawan sesuatu projek dan mampu merekod urusniaga. Akhir sekali, definisi